

17.36 juta buku teks bagi persekolahan 2009

BH 21/6/08 m/s 31

RM86.5 juta dibelanja bagi penggantian, penuhi keperluan pelajar

Oleh Syuhada Choo Abdullah

KIRA-KIRA 17.36 juta buku teks Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) akan dicetak untuk memenuhi keperluan sesi persekolahan tahun depan.

Pengarah Bahagian Buku Teks (BBT), Kementerian Pelajaran, Dr Zahri Aziz, berkata jumlah itu meliputi kira-kira 16 juta buku teks cetakan semula dan 1.36 juta lagi terbitan baru.

Beliau berkata, cetakan semula itu membabitkan 583 judul dengan anggaran kos RM86.5 juta bagi tujuan penggantian buku teks, termasuk akibat rosak dan hilang, serta memenuhi keperluan berikutan peningkatan pelajar.

Katanya, buku teks terbabit adalah untuk kegunaan sekolah kebangsaan (SK), sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil, sekolah menengah kebangsaan, sekolah menengah teknik dan juga sekolah menengah kebangsaan agama.

"Buku teks terbitan baru pula ialah Bahasa Arab Tahun 2 SK membabitkan cetakan 385,000 naskhah,

Bahasa Arab (Buku Latihan dan Aktiviti) Tahun 2 SK (385,000), Bahasa Cina Tahun 3 SK (6,600) dan Bahasa Tamil Tahun 3 SK (6,600).

"Selain itu, Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan Tingkatan 5 (495,500), Bahasa Arab Tingkatan 2 (71,700) dan Bahasa Kadazandusun Tingkatan 3 (6,400). Anggaran keseluruhan pesanan buku teks terbitan baru untuk sesi persekolahan 2009 membabitkan perbelanjaan kira-kira RM10.7 juta.

"Bagaimanapun, peruntukan kira-kira RM10 juta lagi disediakan untuk menangani sebarang keperluan luar jangka seperti masalah kerosakan buku teks akibat bencana alam, termasuk banjir," katanya kepada *Berita Harian* di Putrajaya, semalam.

Mengenai pelantikannya sebagai Pengarah BBT baru, Zahri, 54, berkata, ia berkuat kuasa 1 Jun lalu menggantikan Mohd Adenan Derman yang kini menyandang jawatan Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan.

Anak jati Melaka itu memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (dengan kepujian) Geografi dari Universiti Sains Malaysia pada 1977, Ijazah Sarjana Pendidikan (Perancangan dan

Pentadbiran) Universiti Malaya (1994) dan Ijazah Doktor Falsafah (Dasar Pendidikan) University of Leeds (1997).

Sebelum ini beliau menyandang jawatan Penolong Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Penolong Pengarah Jabatan Pendidikan Khas, Ketua Penolong Pengarah (Unit Dasar) EPRD, Ketua Penolong Pengarah Jemaah Nazir Sekolah dan Timbalan Pengarah (Sektor Dasar dan Penyelidikan) EPRD.

lidikan) EPRD.

Sambil menyatakan menerima tugas serta tanggungjawab baru itu dengan rendah hati dan sudah meneliti visi, misi, fungsi dan juga struktur BBT, Zahri berkata, beliau juga mendengar taklimat daripada setiap sektor dan menemui kakitangan serta 'hands-on' awal dalam urusan berkaitan proses penghasilan buku teks terbitan baru.

"Dalam tempoh dua minggu berada di bahagian ini, saya berpendapat pegawai dan kakitangan BBT menjalankan tugas dengan baik, berintegriti dan juga sentiasa berusaha memastikan urusan penghasilan buku serta pelaksanaannya berjalan mengikut jadual ditetapkan.

"Kecekapan dan keberkesanan kerja mereka banyak memudahkan tugas saya di sini. Ini perlu dikekalkan tetapi pada masa sama, usaha inisiatif baru perlu berterusan ke arah mempertingkatkan kualiti pendidikan negara.

"Harapan saya ialah membawa BBT memainkan peranan kritikal dalam usaha mencapai matlamat Pelan Induk Pembangunan Pendidikan untuk menghasilkan kualiti pendidikan bertaraf dunia," katanya.

FAKTA NOMBOR

Jumlah cetakan buku teks

16 juta

Cetakan semula

1.36 juta

Terbitan baru